



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

# BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 3 2021



# Sidang REDAKSI

## KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

## EDITOR



Puan Haryani  
binti Kaulan



Cik Siti Nurul  
Azzua binti Tamjis

## URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran  
bin Ashaari



Puan Syalinda binti  
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi  
bin Rimin

## GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida  
binti Zainol

## PENULIS



Encik Khalilurrahman  
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah  
binti Jamaluddin



Encik Asmawi  
bin Ahmad



Encik Adi Khirman  
bin Marji



Encik Mohd Fairus  
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza  
binti Hanifah



Puan Nur Nisha  
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah  
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina  
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal  
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin  
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad  
Shurazi bin Sukhur

# ISI KANDUNGAN

- PPJ SERAH BARANGAN INFAQ BERNILAI RM20,800 3
- PUTRAJAYA BERMANDI CAHAYA JALUR GEMILANG 5
- TEMBAKAN MERIAM ISTIADAT SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 8
- PUTRAJAYA STEPS, TARIKAN BARU DI PUTRAJAYA 9
- PUTRAJAYA LEBIH MAMPAN DENGAN INISIATIF BANDAR PINTAR 10
- BICARA AKRAB CAKNA PPJ BANTU TANGANI CABARAN EMOSI 16

# PERTANYAAN

Sidang redaksi *Buletin Perbadanan Putrajaya* mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:  
**[ppjonline@ppj.gov.my](mailto:ppjonline@ppj.gov.my)**

Bahagian Komunikasi Korporat,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



**[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)**



**Facebook/putrajaya**



**Twitter@putrajayacorp**



**Youtube/perbadananputrajaya**



**Instagram/perbadananputrajaya**

# PPj Serah Barangan Infaq Bernilai RM20,800

**M**enyelami keperitan masyarakat dalam mendepani pandemic COVID-19, Perbadanan Putrajaya (PPj) tampil menyalurkan sumbangan barangan infaq bernilai RM20,800 kepada surau-sarau di Putrajaya.

Pengarah Komunikasi Korporat PPj, Tengku Aina Tengku Ismail Shah menyatakan sumbangan merupakan salah satu inisiatif di bawah Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin serta Pelan Induk Masyarakat Sejahtera 2018-2023 yang bertujuan memastikan semua golongan terjejas tidak diabaikan.

Permasalahan rakyat amat dititikberatkan dengan mewujudkan peruntukan bantuan yang boleh disalurkan. Sumbangan pada kali ini melalui penganjuran Minggu Infaq Putrajaya yang berlangsung dari 19 April hingga 2 Mei 2021 bersempena dengan sambutan bulan Ramadan.

PPj telah Berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM20,800 hasil sumbangan individu dan badan korporat berbentuk tunai serta barang keperluan asas. Ini merupakan inisiatif PPj dalam mengurangkan beban tanggungan keluarga seterusnya mensejahterakan

kehidupan warga Putrajaya dan diharapkan penyerahan barang keperluan ini sedikit sebanyak dapat membantu komuniti yang memerlukan.

Penyumbang utama dalam program ini adalah dari KK Mart dan Subaru Malaysia cawangan Putrajaya.

Setiap surau menerima sumbangan dalam bentuk barang-barang keperluan harian seperti beras, susu, tepung, minyak masak, teh, gula, pelitup muka dan lain-lain. Antara 23 surau yang disenaraikan adalah Surau An-Nur, Presint 11, Surau Al-Munawwarah, Presint 5, Surau Al-Muhajirin, Presint 9, Surau Ar-Rayan, Presint 6 dan Surau PPAM Jintan, Presint 16.

Sumbangan barangan Sudut Infaq telah disempurnakan oleh Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain kepada 23 wakil surau di Putrajaya yang mempunyai Sudut Infaq secara pandu lalu di Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya.

Sebagai rekod, Sudut Infaq yang telah digerakkan dan dipromosikan sejak tahun 2018 merupakan inisiatif PPj bagi membantu komuniti Putrajaya yang terjejas. Sehingga kini terdapat 23 Sudut Infaq di Putrajaya.



# 6 Lokasi Ibadah Korban Di Putrajaya

Sempena sambutan Hari Raya Aidiladha 1442 Hijrah, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menyediakan enam lokasi khusus bagi aktiviti ibadah korban.

Penyediaan lokasi tersebut merupakan inisiatif prihatin PPj bagi memudahkan warga Putrajaya menguruskan aktiviti ibadah korban ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Menurut Pengarah Komunikasi Korporat PPj, Tengku Aina Tengku Ismail Shah, enam lokasi yang telah ditetapkan terletak di Presint 5 (berhampiran Kementerian Pengajian Tinggi), Presint 7 (berhampiran Depo Bas & Myfarm), Presint 9 (berhampiran Pusat Perlindungan Kucing Putrajaya), Presint 11 (tanah kosong berhampiran Kompleks Kejiranan P11 & Pejabat Kesihatan Putrajaya), Presint 14 (berhampiran Kompleks Nasyrul Quran) dan Presint 18 (berhampiran Apartment 18R10).

Pemilihan lokasi adalah berdasarkan kesesuaian sebagai tempat simpanan sementara haiwan korban, tapak penyembelihan yang mudah bagi pengurusan sisa pepejal dan cecair haiwan. Kaedah yang disediakan itu juga membolehkan PPj mencegah sebarang penularan COVID-19, pencemaran alam sekitar serta membendung kerosakkan harta awam, struktur dan landskap di Putrajaya.

Selain daripada enam lokasi tersebut, aktiviti ibadah korban juga dibenarkan untuk dijalankan di masjid-masjid dan



surau-surau. Namun begitu, aktiviti korban perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam tempoh PKP serta Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban yang dikeluarkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) serta Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban yang ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Permohonan Ibadah Korban adalah melalui kaedah mengisi borang secara atas talian dengan mengimbas QR Code atau memuat turun borang di laman web [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my). Borang yang telah lengkap diisi di emelkan ke [ibkorban@ppj.gov.my](mailto:ibkorban@ppj.gov.my) yang mana tarikh tutup permohonan adalah pada 13 Julai 2021.

Biarpun negara masih lagi dibelenggu wabak COVID-19, namun ibadah korban di Putrajaya tetap diraikan dalam suasana kemeriahan di samping akur dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Terdapat dua acara kelulusan ibadah iaitu melalui PPj dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) melibatkan 25 ekor lembu dan seekor kambing di bawah PPj dan 102 ekor lembu serta lima ekor kambing di bawah JAWI.

Had kapasiti sembelihan korban tidak melebihi 5 ekor sehari sementara bagi sembelihan di bawah kelulusan JAWI pula melibatkan 26 masjid dan surau kariah. Pengedaran daging korban adalah secara pandu lalu.



# Putrajaya Bermandi Cahaya Jalur Gemilang

Pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan bermandi cahaya pada setiap malam bermula 31 Julai sehingga 16 September 2021 sebagai simbolik meraikan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2021 dalam norma baharu.

Program Pencahayaan Malam Putrajaya yang berwarna merah, biru dan kuning melambangkan bendera Malaysia dipancarkan di bahagian luaran bangunan, jambatan, air pancut dan struktur bangunan di pusat kerajaan ini.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain, Bangunan Perdana Putra, Jambatan Seri Saujana dan Jambatan Seri Wawasan adalah antara mercu tanda di Putrajaya yang bercahaya dalam suasana perayaan pada setiap malam.

Program pencahayaan bahagian luar ini membabitkan tiga kategori iaitu jenis diod pemancar cahaya (LED) bertukar warna, lampu luaran ke perayaan (putih hangat) dan pencahayaan dalaman. Antara bangunan yang terbabit dalam kategori LED bertukar warna adalah Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Hotel Zenith, Jambatan Seri Wawasan dan Jambatan Seri Saujana serta air pancut Putrajaya.

Bagi lampu 'external to festive' (putih hangat) dan pencahayaan dalaman yang terbabit pula adalah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Kementerian Kewangan (MOF), Menara Usahawan, Istana Kehakiman, Perbadanan Putrajaya dan lain-lain.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah melancarkan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2021 dengan konsep baharu iaitu melalui penyampaian Amanat Perdana Menteri secara maya selaras

sambutan dalam suasana norma baharu pada Sabtu 31 Julai 2021.

Tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021 adalah Malaysia Prihatin bagi menghargai keprihatinan, kesungguhan dan ketabahan rakyat dan kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19.

Rakyat Malaysia disaran mengibarkan Jalur Gemilang tanda semangat merdeka sepanjang masa dan sambutan ini juga sebahagian usaha murni bagi memaparkan solidariti masyarakat di Malaysia. Hari Kebangsaan disambut pada 31 Ogos 2021 manakala Hari Malaysia pada 16 September 2021.

PPj telah selesai memasang 8,629 unit Jalur Gemilang pada 2 Ogos 2021 bagi program pengindahan dan pengimarahkan pusat kerajaan ini. Program pencahayaan ini bertujuan mengetengahkan suasana pada waktu malam supaya pusat kerajaan sentiasa terang bercahaya sepanjang sambutan hari bermakna kepada negara.

Sebanyak 2,235 Jalur Gemilang dipasang pada lampu jalan, jambatan dan kompleks milik PPj, manakala 4,000 unit diedarkan kepada penduduk melalui Majlis Perwakilan Penduduk, Ketua Blok dan komuniti Putrajaya untuk dipasang di kediaman masing-masing.

Bagi pengindahan dan pengimarahkan Putrajaya sempena sambutan ini, sebanyak 2,390 unit Jalur Gemilang turut dipasang di taman awam. PPj juga turut mengadakan empat unit papan iklan bagi memaparkan visual berkaitan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia dan mesej berkaitan 'memerdekakan' Malaysia daripada COVID-19.

Selain itu juga, PPj turut memasang struktur papan iklan sementara bersaiz besar di 15 lokasi di sekitar Putrajaya dan 'Giant Bunting' di gerbang PPJ.

# AIH Putrajaya 2021 Kembali, Menangi Wang Tunai Sehingga RM21,000

Anugerah Inisiatif Bandar Hijau (AIH Putrajaya 2021) anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) kembali lagi untuk tahun 2021.

Penyertaan terbuka kepada semua penduduk Putrajaya (individu) serta Institusi Pengajian Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) di wilayah Putrajaya bertujuan untuk mengetengahkan idea-idea kreatif serta menggalakkan pelaksanaan Inisiatif Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya.

Pengarah Pembangunan Mampan Perbadanan Putrajaya, Norzita Abdul Razak berkata, terdapat tiga kategori anugerah iaitu penjimatan elektrik, penjimatan air dan pengurangan sisa pepejal. Ia merupakan program galakan kesedaran kepada komuniti untuk mengamalkan amalan gaya hidup hijau (embody green life style) dalam kehidupan seharian.

Penganjuran anugerah dilaksanakan bersama rakan strategic seperti Tenaga Nasional (TNB), Air Selangor dan Alam Flora. Peranan ketiga-tiga agensi adalah dalam aspek membekalkan rekod-rekod penggunaan tenaga elektrik, air dan rekod jualan kitar semula atau mata terkumpul kepada peserta AIH.

Sehingga ini, anugerah yang dilancarkan sejak tahun 2020 berjaya meninjau setakat mana pemahaman konsep bandar hijau dan amalan hijau dalam kalangan komuniti setempat.

Kepada yang layak untuk menyertai pertandingan secara percuma ini yang bermula dari 20 Julai 2021 sehingga 3 September 2021 bagi memenangi wang tunai berjumlah RM21,000 amat dialu-alukan.

Peserta dikehendaki memuatnaik video rakaman berdurasi tidak melebihi dua minit berkenaan inisiatif penjimatan elektrik/ penjimatan air/pengurangan sisa pepejal yang telah dilaksanakan.



## PPj Rai Pemenang Tiga Pertandingan

Perbadanan Putrajaya (PPj) meraikan pemenang Pertandingan Mencipta Poster, Pertandingan *Time Attack Plank Challenge* sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM2021) serta Pertandingan *Video Kreatif Stay At Home Komuniti Putrajaya* di Kompleks Perbadanan Putrajaya baru-baru ini.

PPj dalam kenyataannya berkata seramai 31 peserta telah dipilih sebagai pemenang dalam kategori-kategori yang dipertandingkan dan membawa pulang hadiah berbentuk wang ringgit.

Juara Pertandingan *Video Kreatif Stay At Home Komuniti Putrajaya* adalah Ahmad Dzulkarnain Mohamad Tarmizi, 39 yang memenangi wang tunai berjumlah RM500.

Pertandingan Video Kreatif tersebut telah diadakan bermula dari 8 hingga 23 Julai 2021 bertujuan untuk menggalakkan warga komuniti Putrajaya berkongsi aktiviti berfaedah yang boleh dilakukan ketika tempoh PKP.

Satu lagi acara bersempena sambutan HKHM2021 iaitu *PPj Time Attack Plank Challenge* turut diadakan dalam menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan kakitangan PPj. Pertandingan ini dibahagi kepada empat kategori iaitu terbuka lelaki, lelaki 45 tahun ke atas, terbuka wanita dan wanita 45 tahun ke atas.

Juara pertandingan setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM300, manakala bagi naib juara membawa pulang wang tunai RM200 dan tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM150.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain.

**KEMPEN JOM BAYAR KOMPAUN/SAMAN**  
PERBADANAN PUTRAJAYA  
**1 OGOS – 17 SEPT. 2021**  
Sempena Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2021

UNTUK SEMAKAN KOMPAUN/SAMAN:  
<https://erayuan.ppj.gov.my/>

KAYARISICARA ATAS TALIAN:  
<https://erayuan.ppj.gov.my/>  
(Perkhidmatan semakan sahaja)

1800 888 7333  
Ref 1 (no. kompaun/saman)  
Ref 2 (no. telefon)

**KADAR BAYARAN**

RM 20	KOMPAUN
RM 50	SAMAN MAHKAMAH

Perkhidmatan bilik: 03 8887 7333 / 7334 / 7335 / 7336  
9 pagi – 3 petang ( Isnin – Jumaat )

Putrajaya: <https://erayuan.ppj.gov.my/> (perlu daftar terlebih dahulu) atau melalui Jom Pay (Biller Code: 4432 (rujukan 1: nombor kompaun/ nombor saman dan rujukan 2: nombor telefon)).  
Kompaun dan saman lalu lintas ini hanya yang dikeluarkan oleh PPj sahaja.

## MPPWP Terima 4,000 Helai Bendera



Sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengadakan Kempen Jom Bayar Kompaun bermula dari 1 Ogos sehingga 17 September 2021.

Naib Presiden Undang-Undang PPj, Kamal Azira Hassan berkata, kempen tersebut bagi menggalakkan orang ramai membayar saman dan seterusnya menyelesaikannya dengan kadar yang rendah. Kadar tawaran semasa kempen adalah RM20 untuk semua notis kompaun dan RM50 bagi kes saman mahkamah yang mana semakan boleh dibuat melalui laman sesawang PPj (<https://erayuan.ppj.gov.my/>).

Dalam pada itu, PPj tidak menetapkan sebarang sasaran dalam tempoh kempen ini. Walaubagaimanapun, PPj mengharapkan orang ramai mengambil peluang untuk membayar serta menjelaskan kompaun dan saman mereka memandangkan kadar pengurangan kompaun yang lebih rendah berbanding sebelum ini.

Bagi yang ingin menyelesaikan pembayaran boleh melalui dua cara iaitu laman sesawang erayuan Perbadanan

Bersempena sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini, Perbadanan Putrajaya (PPj) menyerahkan sebanyak 4,000 helai bendera kepada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWP).

Meneruskan acara tradisi seperti mana tahun-tahun sebelumnya, penyerahan Jalur Gemilang ini diharap dapat memupuk semangat komuniti Putrajaya untuk menghargai jasa dan keringat pejuang tanah air yang membebaskan kita daripada cengkaman penjajah.

Untuk itu, bagi memeriahkan Bulan Kemerdekaan, MPPWP Putrajaya, Persatuan Penduduk dan Ketua Blok untuk menghias bendera tersebut dan memasangnya di kawasan masing-masing.

Biarpun acara sambutan seperti mana lazimnya tidak dapat dilaksanakan ekoran negara masih berhadapan dengan pandemic COVID-19, namun situasi ini tidak melunturkan semangat patriotic yang telah sebatikan dalam jiwa Masyarakat Malaysia khususnya komuniti di Putrajaya.

# Tembakan Meriam Istiadat Sempena Sambutan Hari Kebangsaan



**B**uat julung kalinya, sambutan Hari Kebangsaan 2021 berlangsung kira-kira 55 minit susulan isu kebimbangan trend penularan pandemik Covid-19. Tempoh terhad ini bagi mengurangkan risiko jangkitan, malah setiap ruang dilalui peserta disemur bahan nyah cemar bagi memastikan lokasi sentiasa bersih,.

Sebagaimana tahun 2020, sambutan kali ini diadakan di Dataran Pahlawan Negara di Putrajaya dalam suasana kawalan ketat dan norma baharu tanpa penonton bagi mengelakkan kesesakan.

Mengekalkan tema sama tahun lepas, Malaysia Prihatin, sambutan kali ini berbeza apabila menyaksikan perubahan kepemimpinan negara kepada Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri.

Lebih menarik, kesemua barisan 69 anggota jemaah menteri dan timbalan menteri baharu mengangkat sumpah jawatan di Istana Negara di ibu negara sehari sebelum sambutan ini.

Hanya peserta yang sudah lengkap dua dos vaksinasi yang terlibat dan mereka menjalani ujian saringan tiga hari sebelum acara berkenaan.

Sementara itu, Angkatan Tentera Malaysia mengadakan tembakan meriam istiadat sebanyak 14 das bermula jam 8 pagi dari Sisiran Tasik di Presint 1 bagi menandakan

sambutan tersebut. Acara lain turut menampilkan bacaan ikrar Rukun Negara dan pertunjukan formasi melibatkan sejumlah pesawat dan jet tempur Tentera Udara Diraja Malaysia di ruang angkasa.

Sebanyak empat persembahan diadakan di Dataran Pahlawan Negara manakala tiga lagi di lapangan yang turut meliputi pancaragam badan beruniform dalam skala kecil.

Orang ramai turut boleh menyaksikan secara langsung melalui semua stesen penyiar tempatan mulai jam 8 pagi selain akaun sosial Facebook kementerian dan Jabatan Penerangan serta berada di lokasi berhampiran (Taman Putra Perdana & Dataran Putra) dengan mematuhi SOP yang ketat.







Apabila hujung minggu orang sekitar Putrajaya atau tempat lain akan datang melawat dan mengunjungi Putrajaya ditambah dengan adanya elemen tertentu seperti penganjuran program-program akan menarik kedatangan pengunjung ke Putrajaya.

# Putrajaya Steps, Tarikan Baharu Di Putrajaya

Satu lagi tarikan pelancongan baharu di Putrajaya yang dinamakan sebagai *Putrajaya Steps* sudah semakin siap dan boleh dikunjungi tidak lama lagi. Lokasi tumpuan terbaharu itu boleh dijadikan sebagai lokasi rekreasi dan riadah.

Sudah tentu selepas SOP dilonggarkan ramai akan mencari lokasi-lokasi untuk rekreasi,riadah dan sebagainya. Selepas ini Putrajaya Steps boleh menjadi salah satu lokasi untuk dikunjungi.

Putrajaya Steps kini sudah 80% siap dan bakal menjadi satu tarikan baru di Putrajaya yang menghubungkan Dataran Perdana ke Mercu Tanda Taman Putra.

Mantan Menteri Wilayah, Tan Sri Annuar Musa sewaktu menjawat jawatan Menteri Wilayah mahu menjadikan Putrajaya sebagai sebuah bandar rekreasi pertama di negara ini, selain sebagai pusat pentadbiran negara. Malah, langkah tersebut akan memberi nilai tambah dan komersial kepada Putrajaya, sekali gus menjadi lokasi tarikan pelancongan dan menjana pendapatan ekonomi setempat.

Jadi segala-galanya sudah tersedia dengan tempat yang cantik, landskap yang cantik, tasik yang cantik dan bangunan-bangunan dari seni bina yang cantik serta perlu dengan perancangan yang baik bagaimana semua ini dapat dipakejkan supaya ia menjadi satu tarikan yang bertaraf nasional dan antarabangsa.



# Putrajaya Lebih Mampun Tak Lama Lagi! Dengan Inisiatif Bandar Pintar, Hijau



**P**residen Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain berkata, Putrajaya terkenal dengan imej elegan serta bangunan-bangunan kerajaan yang tersusun rapi, boulevard yang luas, jambatan menakjubkan tanpa meninggalkan elemen kehijauan alam sekitar.

Semua kementerian dan jabatan kerajaan yang sebelum ini terletak di Kuala Lumpur telah berpindah ke Putrajaya, kecuali Kementerian Pertahanan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Jabatan Kerja Raya.

Terdapat banyak kawasan hijau yang mana 40% dari 4.931 hektar bandar ini adalah untuk aktiviti outdoor dan Tasik Putrajaya menjadi lokasi untuk aktiviti berasaskan air.

Putrajaya juga menjadi tempat tumpuan acara nasional dan antarabangsa dengan merekodkan antara 120 hingga 250 acara setiap tahun.

## **Penukaran fokus**

Fasa berikutnya akan memberi fokus kepada peningkatan kecekapan pentadbiran dalam PPj, selain persekitaran, pelancongan, gaya hidup penduduk bandar ini serta kelestarian dan penyampaian perkhidmatan, seperti yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Putrajaya 2021-2025.

Dengan populasi 120,000 orang yang kebanyakannya terdiri daripada penjawat awam dan keluarga mereka, Putrajaya telah menyasarkan peningkatan sehingga 350,000 orang dalam tempoh 25 tahun akan datang dan dalam masa sama menyuntik lebih banyak kepelbagaian.

Satu populasi dinamik yang diterjemahkan kepada kuasa membeli yang lebih baik seterusnya akan menyumbang kepada pertumbuhan Bandar. Oleh itu, PPj perlu menonjolkan kehebatan dan apa yang ditawarkan Putrajaya dalam usaha menarik lebih ramai orang menjadikan bandar ini sebagai kediaman mereka.

PPj juga berusaha untuk mengukir nama Putrajaya sebagai bandar pentadbiran kelas dunia dan lestari, dan PPj telah melancarkan banyak inisiatif pintar dan hijau sejak beberapa tahun kebelakangan.

## **Bandar hijau**

PPj telah memulakan pelbagai inisiatif hijau dalam penurunan pelepasan karbon, yang disasarkan akan berjaya dicapai pada tahun 2025. Organisasi tersebut telah melaksanakan inisiatif rendah karbon, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari yang dipromosikan oleh Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu, sebagai persiapan untuk Putrajaya Bandar Hijau 2025.

Dengan tujuh bidang tumpuan - perancangan dan pembinaan bandar; mengintegrasikan alam semula jadi ke dalam struktur bandar urban; pengangkutan dan mobiliti; penggunaan tenaga; penggunaan air; pengurusan sisa pepejal; serta pentadbiran dan pengurusan Bandar. Situasi pandemik Covid 19 tidak membantutkan usaha penghijauan, termasuk yang melibatkan masyarakat.

Anugerah Inisiatif Hijau Putrajaya (AIH Putrajaya), yang bermula tahun lalu untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada inisiatif hijau penduduk bandar akan diteruskan juga pada tahun ini. PPj mahu orang ramai menghayati gaya hidup hijau.

PPj juga memberi tumpuan kepada projek-projek yang akan mengurangkan kesan pelepasan karbon di bandar ini. Kerja-kerja sedang dilakukan untuk membaiki laluan pejalan kaki, lorong basikal, pemasangan tanjakan akses basikal di dua jambatan Putrajaya, penambahan dan pemasangan lampu penjimatan tenaga dan pengoperasian penuh kemudahan inovasi kitar semula baharu.

Selain itu, material pendidikan khas mengenai amalan hijau dan program penyesuaian perubahan iklim untuk kanak-kanak sekolah rendah seperti buku Green Folio Putrajaya dan siri Putrajaya Children Eco Stories telah diterbitkan di bawah Program GreenROSE@Putrajaya.

Bagi golongan dewasa dan warga emas pula, terdapat program CAREton@Putrajaya, yang berasaskan konsep ekonomi sirkular. Program ini bertujuan untuk mengurangkan sisa pepejal seperti kad bod minuman terpakai (UBC) dan mengembangkan produk teknologi hijau berdasarkan UBC.

Sejak 2012, bandar ini telah mempertahankan status kelastariannya, berdasarkan Indeks Bandar Mampan (Jaringan Petunjuk Bandar Malaysia) Murninet. Tahun 2020 adalah kali kedua Putrajaya menduduki tempat ketiga dalam kategori bandar/ perbandaran Murninet daripada lebih 100 pihak berkuasa tempatan yang mengambil bahagian.



### **Bandar pintar**

Tujuh pangkalan disebut dalam inisiatif pintar bandar ini, iaitu pengangkutan dan mobiliti; kediaman dan persekitaran; perkhidmatan kerajaan; infrastruktur dan utiliti pintar; keselamatan dan sekuriti; ekonomi dan komuniti.

Walaupun berdepan wabak Covid-19, kira-kira separuh daripada sasaran dalam Pelan Pembangunan Bandaraya 2020 berjaya dilaksanakan pada akhir tahun lalu. Inisiatif yang paling berjaya adalah perkhidmatan kerajaan dengan penyelesaian lebih dari 90 peratus pemindahan perkara-berkara berkaitan pemerintahan ke platform digital.

Pencapaian terbaik adalah Sistem Pemantauan Pusat Sehenti 3.0 yang mendapat penganugerahan, yang memungkinkan semua proses melibatkan arahan-arahan pembangunan dilakukan secara digital.

Putrajaya Command Centre (PCC) yang dikendalikan oleh PPj adalah satu lagi perkara yang dibanggakan. Sebagai sebuah pusat kawalan keselamatan, ia juga digunakan oleh polis, Hospital Putrajaya, Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya serta Pasukan Pertahanan Awam Putrajaya untuk memantau keselamatan, tindak balas kecemasan dan kawalan trafik. Ini sangat berguna, terutama sejak awal Perintah Kawalan Pergerakan, dan ia beroperasi sepanjang waktu.

Sejak tahun 2020 lagi, lebih dari 60km kabel gentian optik ditambah dalam rangkaian Bandar. Kabel ini akan disambungkan dengan kamera litar tertutup (CCTV) dan butang panik yang akan dipasang di tempat-tempat strategik dalam bandar, begitu juga di PCC dan agensi lain.



Penggunaan Analisis Video Pintar, yang secara automatik memberi amaran kepada PCC tentang sebarang bahaya, akan diperluaskan. Sejak tahun lalu, kakitangan PCC telah mulai menyebarkan maklumat melalui notifikasi pada aplikasi mudah alih Putrajaya dan Papan Buletin Elektronik Berpusat. PCC juga baru-baru ini telah menambah rakan kongsi agensi baharu, Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai sebahagian daripada program advokasi keselamatan jalan raya.

Melalui kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Telekom Malaysia, PPj telah mengembangkan Rangkaian Akses Radio Teragih di beberapa tapak untuk meningkatkan kualiti rangkaian mudah alih hingga 100Mbps menjelang 2022 dan memperbaiki perhubungan.

PPj juga merancang untuk meningkatkan jumlah CCTV pintar kepada 1,000 unit pada tahun 2025. Sebagai tambahan, rangkaian dan perkhidmatan 5G, yang dibentuk dengan kerjasama Digital Nasional Bhd, akan siap menjelang 2022.

### **Bandar bersih**

Putrajaya juga diiktiraf sebagai salah sebuah bandar paling bersih di rantau ini, setelah mendapat anugerah Asean Clean Tourist City Standard sebanyak dua kali, pada 2018-2020 dan 2020-2022.

Penghargaan tersebut diberikan kepada bandar-bandar di Asia Tenggara yang memberi penekanan untuk mencantikkan tempat-tempat awam, memperbaiki persekitaran dan pengurusan sampah, mengekalkan kelestarian dan meningkatkan pengalaman pelancong, antara lain. Terdapat tujuh indikator yang dipertimbangkan untuk anugerah ini iaitu pengurusan alam sekitar, kebersihan, pengurusan sampah, promosi kesedaran sivik, ruang hijau, keselamatan dan pelancongan.

PPj juga telah menerapkan dan menguatkuasakan penggunaan produk mudah terurai dan melarang penggunaan polistirena, beg plastik dan straw. Menerima anugerah antarabangsa sekali lagi pasti akan mengukuhkan nama bandar ini sebagai salah satu bandar lestari di dunia dan destinasi pelancongan pilihan.

### **Rekreasi dan riadah**

Walaupun Putrajaya mempunyai banyak kawasan perairan, kehijauan dan seni bina yang indah, ia masih berdepan cabaran dari segi pelancong.

Pelancong ditakrifkan sebagai pelawat yang tinggal di bandar itu sekurang-kurangnya selama satu malam. Bandar ini menerima ramai pengunjung ketika pra-pandemik, tetapi bukan pelancong. PPj mahu mengubahnya. Jadi, produk pelancongan perlu diperhebat dan dipelbagaikan, agar sesuai dengan selera mereka.

Salah satu cara meletakkan Putrajaya dalam peta pelancong adalah dengan mengadakan acara nasional dan antarabangsa. Ini secara tidak langsung akan mempromosikan tasik, taman dan bangunan ikonik indah, yang seterusnya akan meningkatkan ekonomi tempatan dan menarik pengunjung local.

PPj juga serius dalam mempromosikan aktiviti berbasikal. Selain laluan basikal sejauh 18km yang sedang diuji di jalan raya, PPj juga mempunyai 10 laluan lain untuk dijelajahi penunggang basikal, tiga di antaranya dikategorikan sebagai laluan dengan pemandangan indah.

Laluan indah ini tidak mencabar, sesuai untuk keluarga dan semua peringkat umur, dengan sebahagian besar laluan melewati persiaran Putrajaya. Laluan ini akan dilengkapi dengan 12 perhentian, termasuk yang utama di PitStop@Floria untuk berehat dan pergi ke tandas, serta papan tanda arah untuk merancang perjalanan.





# Menteri Wilayah Uji Kesiapsiagaan Putrajaya Command Centre

**K**esiapsiagaan 'Putrajaya Command Centre' (PCC) sebagai pusat pemantauan berpusat aktiviti perbandaran di Putrajaya, diuji Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim yang menekan butang panik ketika berada di tepi sisiran di Presint 1, pada Ahad 12 September 2021.

Menteri sangat berpuas hati dengan respons pantas petugas PCC yang hanya mengambil masa lima saat untuk menjawab panggilan seurus siren berbunyi turut membuka pelitup muka bagi membolehkan petugas mengenalinya. Malah petugas Putrajaya Command Centre tersebut tidak terkejut apabila diuji sendiri tahap kesiapsiagaannya oleh Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim.

Menteri Wilayah Persekutuan bertindak demikian sewaktu meninjau keadaan di Sisiran Tasik Presint 1 sebelum mencuba butang panik dipasang di kawasan berkenaan. Menteri yang kelihatan berpuas hati dengan respons pantas pusat berkenaan kemudian membuka seketika pelitup muka apabila petugas itu tidak percaya beliau sedang bercakap.

Video berdurasi 45 saat tersebut turut dimuat naik menerusi akaun sosial Perbadanan Putrajaya (PPj) yang turut

memaparkan Presiden, Datuk Muhammad Azmi bin Mohd. Zain.

Terdapat sejumlah 89 butang panik dan 462 unit CCTV di seluruh Putrajaya malah bilangan tersebut sedang ditambah dari masa ke semasa, dengan tiang butang panik tersebut dilengkapi lampu siren berwarna merah yang menyala dan berbunyi kuat apabila ditekan di samping kamera mampu merakam jelas wajah pengadu.

Kemudahan butang kecemasan ini memang disediakan di lokasi strategik sebagai antara inisiatif Bandar Pintar dan Bandar Selamat Putrajaya yang sudah wujud lebih dua dekad lepas.

Peranan butang tersebut membolehkan orang awam berhubung terus dengan pusat arahan induk PPj itu sekiranya berlaku kecemasan khususnya jika telefon bimbit gagal berfungsi bagi memudahkan bantuan daripada pelbagai agensi sama ada polis, bomba, Angkatan Pertahanan Awam dan Jabatan Kecemasan Hospital Putrajaya.

Pusat berkenaan ditubuhkan pada 2004 melalui penggunaan telekomunikasi gentian optik berteknologi tinggi buatan Jerman selain CCTV pintar dengan kualiti video berdefinisi tinggi.



# Food Bank Putrakop: Ambil Ikut Keperluan, Beri Seikhlas Hati

**K**operasi Perbadanan Putrajaya Berhad (PutraKop) tampil membantu dengan menyediakan barangan keperluan asas melalui Food Bank untuk orang ramai yang terkesan akibat pandemik COVID-19 sehingga tidak kurang yang terputus makanan.

Menurut Pengurus Besar PutraKop, Suzita Tusirin, PutraKop mengalu-alukan mereka yang memerlukan untuk tampil ke kedai serbaneka CoopMart, Presint 16 bagi mengambil barangan keperluan asas yang disediakan di Food Bank. Pihak PutraKop menggunakan sepenuhnya dana zakat koperasi yang mana PutraKop juga telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai wakil untuk menyalurkan zakat.

Putrakop amat mengalu-alukan pihak luar yang ingin menyalurkan dana sumbangan melalui Food Bank dengan pilihan tiga pakej sumbangan. "Pakej A:RM30, Pakej B:RM50 dan Pakej C:RM100 mengikut pilihan masing-masing terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia yang ingin menyertai program berkonsepkan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Setakat ini sambutan terhadap sumbangan yang diterima amat menggalakkan kerana penyumbang-penyumbang berasa yakin dengan kredibiliti PutraKop itu sendiri sebagai saluran yang betul. Antara sumbangan barangan asas yang disediakan terdiri daripada beras, tepung, gula, minyak masak, lampin pakai buang bayi dan banyak lagi.

Bagi yang ingin menyalurkan sumbangan, bolehlah menderma ke nombor akaun Ambank Islamik Berhad (Koperasi



Perbadanan Putrajaya) 8881031875749 (sertakan rujukan Pakej yang dipilih samada A/B/C).

Maklumat lanjut boleh berhubung di talian 011-10847110 atau emel : [admin@putrakop.com](mailto:admin@putrakop.com) atau ke laman sesawang [www.putrakop.com](http://www.putrakop.com) atau laman sosial Facebook Koperasi PPj dan Instagram (Putrakop).



**TIADA SYARAT YANG DIKENAKAN,  
SESIAPA YANG MEMERLUKAN  
HANYA PERLU DATANG, TULIS NAMA  
DAN AMBIL BARANGAN MENGIKUT  
KEPERLUAN.**

**TUJUAN FOOD BANK HANYA UNTUK  
MEMBANTU BAGI MERINGANKAN  
BEBAN GOLONGAN YANG  
MEMERLUKAN.**



# Keasyikan Gitar Beri Ketenangan Warga Putrajaya

**P**etikan gitar yang mempersona mampu membangkitkan suatu perasaan indah dari dalam diri. Malah, dikatakan keasyikan memetic gitar dapat melampiaskan segala perasaan yang terbuku di hati. Dalam situasi pandemic COVID-19 ini, bermain gitar merupakan antara aktiviti santai sambil berhibur pilihan ramai bagi mengubati kerinduan terhadap kaum keluarga yang jauh di mata.

Menyedari hal tersebut, unit kesenian dan kebudayaan Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil langkah menyediakan video-video pembelajaran asas bermain gitar melalui lagu-lagu popular masa kini di laman Facebook PPj.

Menurut Ketua Unit Kesenian dan Kebudayaan PPj (Bahagian Komunikasi Korporat), Mohd Farid Jamaludin, pihaknya akan memuat naik video-video baru setiap dua minggu bagi memberi kefahaman kepada mereka yang berminat dengan gitar. Teknik asas yang diajar mudah difahami tanpa modul pembelajaran muzik yang formal (*Rock School*).

Usaha perkembangan seni dalam komuniti Putrajaya ini juga ke arah pembangunan sahsiah diri komuniti yang mampan dan seimbang. Ini merupakan antara usaha unit kesenian dan kebudayaan PPj bagi membantu agensi PPj dalam melestarikan Putrajaya dengan pelbagai program seni. Bidang seni dilihat dapat memberi disiplin dan menambah daya kreativiti seseorang.


Sebagai makluman, PPj turut mengadakan kelas gitar secara percuma di Pusat Kejiranan P16 setiap Sabtu jam 10 pagi. Kelas yang berlangsung selama satu jam tersebut walau bagaimanapun dihentikan seketika dalam tempoh PKP ini.

Kelas gitar secara fizikal tersebut sudah pun bermula sejak September 2019 yang mana setakat ini lebih kurang 25 pelajar telah mendaftar dan hadir mengikuti kelas. Tiada had umur untuk menyertainya dan ia terbuka kepada komuniti Putrajaya bagi membantu merangsang daya kreativiti seni dan membina komuniti yang lebih kreatif dan seimbang.

Selain daripada kelas gitar, komuniti juga boleh menyertai kelas gamelan yang berlangsung setiap Rabu bermula jam 8.30 malam di Bilik Kesenian PPj. Kelas gamelan mendapat sambutan yang amat menggalakkan yang mana mereka yang menyertainya juga sudah berjaya membuat persembahan di majlis-majlis korporat antaranya di PPj dan Hotel Pulse Grande pada tahun lalu.

Komuniti Putrajaya yang berminat boleh datang terus secara *walk-in* pada hari Sabtu jam 10 pagi atau boleh menghubungi tutor kelas, Saiful di talian 03-80008000 sambungan 8083 (Bilik Muzik).

Selain daripada itu, aktiviti *drum circle* juga turut diadakan sebulan sekali secara percuma di lokasi-lokasi pilihan dalam Putrajaya.



# Bicara Akrab Cakna PPj 2021 Bantu Tangani Cabaran Emosi



Biarpun pada mulanya program dikhaskan kepada warga PPj namun ia turut mendapat sambutan daripada masyarakat luar memandangkan ia bersiaran secara langsung di laman Facebook Perbadanan Putrajaya. Diharapkan program memberi manfaat kepada semua.

Program ini bersiaran di laman Facebook PPj pada 14 dan 21 September 2021 bermula jam 9.30 pagi.

Hampir dua tahun berdepan dengan pandemik COVID-19, ramai yang hampir kecundang dalam menangani cabaran emosi kerana ia sukar untuk ditafsirkan. Memahami kegelisahan tersebut, Perbadanan Putrajaya (PPj) membawakan Program Bicara Akrab Cakna PPj 2021 bagi membantu mengurangkan tekanan dan kebimbangan dalam kalangan warganya.

Hadir dalam tiga sesi, program secara maya itu dibahagikan kepada tiga segmen menarik iaitu Urus Emosi Tingkatkan Prestasi, Pengubatan Islam: Merawat Emosi dan Poket Sihat, Hidup Ceria.

Menurut Pengerusi Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) PPj, Asrol Hafiz Zainal, sasaran utama program tersebut adalah untuk menyemaikan sifat-sifat kerohanian dalam diri warga PPj. Setiap segmen mempunyai kekuatan tersendiri. Misalnya dalam topik urus emosi, dibawakan pakar motivasi dari elemen moden dan juga Islamik. Ini kerana cara pengurusan emosi daripada kedua-duanya berkait rapat.

Untuk elemen Islamik pula, Pengamal Pengubatan Islam Darussyifa, Mohd Fauzi Mustaffa yang akan memberi tips-tips merawat emosi dalam Islam selain berkongsi doa-doa untuk amalan bagi mententeramkan jiwa.

Selain itu juga, bagi segmen Poket Sihat pula, Pakar Perancangan Kewangan, Shamsuddin Kadir akan membantu dari segi menguruskan kewangan secara berhemah agar tidak mendatangkan pembaziran.



“Kita faham, penjawat awam tiada masalah dalam pembayaran gaji namun kita ingin mengelakkan mereka daripada membelanjakan wang dengan boros sehingga tidak membuat sebarang simpanan.

“Belanja secara berhemah, itu yang kita ingin terapkan kepada mereka.





# Garden Shop Wetland Dibuka Mulai 1 Oktober 2021

**O**rang ramai berpeluang memiliki pokok landskap pelbagai jenis daripada pusat jualan Garden Shop yang diwujudkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) di Taman Wetland.

Pusat jualan yang bertempat di Kompleks Nurseri Taman Wetland akan dibuka kepada orang awam bermula 1 Oktober 2021.

Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman PPj, Abd. Aziz Buang berkata, lebih 150 spesis dan jenis pokok ditawarkan termasuk pokok hiasan, landskap, bunga, buah-buahan dan herba selain pokok-pokok viral yang menjadi buruan ramai. Hampir kesemua tanaman-tanaman dan pokok-pokok viral boleh diperolehi di Garden Shop ini termasuk keladi, Alocasia, bunga hiasan gantung dan lidah buaya.

Harga yang ditawarkan lebih berpatutan dan murah berbanding harga di tempat lain iaitu antara RM3 hingga RM50 bagi setiap pokok. Selain jualan, Garden Shop turut menawarkan khidmat nasihat percuma kepada pengunjung mengenai cara-cara menjaga pokok dari aspek penjagaan dan baja yang sesuai.

Pihak PPj berharap supaya warga Putrajaya dan sekitarnya tidak melepaskan peluang untuk mengunjungi Garden Shop apabila ia dibuka untuk jualan nanti.

Objektif penubuhan nurseri ini adalah bagi memberi peluang pemasaran kepada produk landskap dalam kalangan penduduk Putrajaya dan sekitarnya.

Sebagai makluman, pusat jualan ini pernah di buka kepada orang awam pada 10 Oktober 2020, namun terpaksa ditutup bagi tempoh agak lama disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kali ini Garden Shop lebih bersedia untuk membuka kepada orang awam, malah lebih banyak tanaman ditawarkan berbanding sebelum ini.

PPj juga merancang untuk membuka sebuah lagi pusat jualan di Anjung Floria di Presint 4, Putrajaya yang dijangka dapat beroperasi Disember 2021.

Untuk masa hadapan, Abd. Aziz berkata, pihaknya merancang untuk melatih belia-belia Putrajaya bagi menceburi industri tanaman kerana ia satu peluang besar bagi menjana pendapatan. Belia-belia ini akan dilatih dari segi menguruskan tamanan dan pokok dari peringkat semaian dan penjagaannya.

Pada masa sama, PPj juga dalam perancangan untuk menubuhkan pusat kecemerlangan tanaman dan landskap sesuai dengan konsep Putrajaya sebagai Bandar Hijau.

